

10 NOV 2001

Mahathir-kontraktor

TIADA KONTRAK BARU KEPADA KONTRAKTOR JUAL KONTRAK, KATA PM

DUNGUN, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak akan memberi sebarang kontrak baru kepada syarikat atau kontraktor yang didapati menyerahkan atau menjual kontrak yang mereka perolehi kepada pihak lain.

"Ini masalah yang kita hadapi... selalu bila kita bagi kontrak, lesen, AP (permit import), bukan perniagaan yang dibuat sebaliknya jual kontrak, jual AP, jual lesen...sebab itu masalah," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas berkunjung ke sebuah rumah peneroka, Mamat Abdullah di Felda Kertih 5, dekat sini.

Sebelum itu beliau merasmikan Hari Peneroka Negara di Padang Astaka, Bandar Ketengah Jaya dekat sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kegagalan hampir kesemua kontraktor membina makmal komputer di seluruh negara seperti yang didedahkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Aziz Shamsuddin semalam.

"Kita fikir macam-macam cara untuk tolong Bumiputera tapi Bumiputera sendiri yang buat angkara...mereka sendiri tentukan, mereka mungkin tidak berjaya, selagi tabiat ini ada, sorrylah.

"Sekarang ini kita nak tentukan siapa yang jual kontrak ini, tiada lagi kontrak untuk orang ini," katanya.

Mengenai kegagalan kontraktor membina makmal komputer sekolah seperti yang didedahkan oleh Aziz itu, Dr Mahathir berkata perkara itu perlu dikaji.

"Sebelum kita kata apa-apa kita perlu buat kajian betul-betul, sama ada separuh siap, tidak siap, tidak dibangunkan semula. kita tahu ada yang tidak dimulakan sama sekali, ini bermakna mereka gagal," katanya.

Dr Mahathir berkata perkara itu berlaku kononnya disebabkan tiga syarikat yang dipilih untuk melaksanakan projek yang berkenaan tidak dapat melaksanakannya.

"Mereka pilih syarikat Bumiputera yang lain untuk bangunkan makmal ini. Yang jadi masalah syarikat Bumiputera yang dipilih mereka tidak buat, sebaliknya jual kontrak itu pada orang lain dan orang lain jual kepada orang lain, dengan mengambil untung.

"Sebab itu bila sampai kepada peringkat syarikat yang nak laksanakan, harga terlalu murah dan dia rugi dan dia tidak dapat melaksanakan kerja dengan sempurna," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga akan mengkaji semula pemberian kontrak kepada peniaga dan kontraktor.

"Kita nak kaji semula tetapi kita juga harus ingatkan peniaga, kontraktor, siapa juga nak berniaga dengan minta kontrak, jangan minta lesen dengan niat nak jual.

"Kadang-kadang dia jaja dapat kontrak ratus juta, jaja sana, jaja sini siapa nak bayar 2-3 million, 4-5 million ambillah kontrak ini," katanya.

Dr Mahathir berkata perkara itu berlaku sepanjang masa.

"Kalau kita kata, dia marah...tetapi itulah perniagaan mereka, mereka berniaga lesen, kontrak, (dan) AP," katanya.

Dr Mahathir berkata masalah penjualan lesen dan kontrak juga berlaku dalam sistem perniagaan pengangkutan teksi.

"Semacam juga lesen teksi, orang yang dapat tidak buat apa-apa, orang lain ambil tidak buat apa-apa dan jual kepada orang yang sanggup nak melabur.

"Dua tiga peringkat, dengan itu akhirnya pemandu teksi tidak dapat keuntungan sebab kena bayar sewa sendiri," katanya.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata, tidak semua kontraktor Bumiputera sedemikian.

"Cuma ada beberapa kontraktor sahaja yang benar-benar berniaga dan mereka berjaya," kata beliau sambil menyebut sebagai contoh syarikat pengimport kereta, Naza Motors yang mendapat AP tetapi tidak menjualnya.

"Dia berniaga," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MS MRA MAI